

## KERATAN AKHBAR MAC 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	AYUH IMARAHKAN MASJID, TINGKAT MUTU IBADAT	HARIAN METRO MS 15	12 MAC 2022	AGAMA
2	SISTEM E-KONVO UUM GUNA RFID	SINAR HARIAN MS 30	13 MAC 2022	KPT
3	KENDERAAN SEL FUEL HIDROGEN - UKM	METRO AHAD MS 24 &25	13 MAC 2022	KPT
4	UTM INSTITUSI PENDIDIKAN, PENYELIDIKAN UNGGUL	BERITA HARIAN MS 15	13 MAC 2022	KPT
5	PANDEMIK TAK HALANG PERPUSTAKAAN TINGKAT MUTU PERKHIDMATAN	BERITA HARIAN MS 12	15 MAC 2022	PERPUSTAKAAN
6	UJIAN GENETIK BANTU KESAN RISIKO KANSER	BERITA HARIAN MS 38	19 MAC 2022	RENCANA
7	HARGA BUKU TERPAKAI KARYA SASTERAWAN SANGAT MELAMPAU	BERITA HARIAN MS 39	20 MAC 2022	PERPUSTAKAAN
8	JONATHAN, ZAIDATUL PALING UNGGUL	BERITA HARIAN MS 47	20 MAC 2022	KPT
9	UPM RANGKA PELBAGAI INISIATIF PASTIKAN WARGA KAMPUS SEJAHTERA	BERITA HARIAN MS 10	22 MAC 2022	KPT
10	DESKRIPSI TUGAS PENJAWAT AWAM DISEMAK SEMULA	BERITA HARIAN MS 3	24 MAC 2022	SEMASA
11	GRADUAN TVET DILAHIRKAN POLITEKNIK PORT DICKSON	MALAYSIA AKTIF (ONLINE)	24 MAC 2022	PPD
12	UNTUNG DAPAT HADIAH RM1000 KERANA RAJIN	HARIAN METRO (ONLINE)	25 MAC 2022	PPD
13	SEDIA KEMUDAHAN KHAS, SOKONGAN BANTU GOLONGAN OKU DI IPT	BERITA HARIAN MS 13	25 MAC 2022	KPT
14	6 PANDUAN PILIH PROGRAM PENGAJIAN DI UNIVERSITI	SINAR HARIAN MS 22	28 MAC 2022	KPT
15	KPT ANJUR PROGRAM JOM MASUK IPT	SINAR HARIAN MS 28	28 MAC 2022	KPT
16	IPT KENA LENGKAPI GRADUAN PAKEJ HADAPI ALAM PEKERJAAN	BERITA HARIAN MS 11	28 MAC 2022	KPT
17	ARPRM IKTIRAF REMAJA AKTIF	MALAYSIA AKTIF (ONLINE)	31 MAC 2022	PPD

TAJUK: AYUH IMARAHKAN MASJID, TINGKAT MUTU IBADAT

SUMBER : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 12/03/2022

Harian Metro | Sabtu 12.03.2022

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

15

addin

TIADA PENJARAKAN FIZIKAL SOLAT JEMAAH BERMULA 1 APRIL

# AYUH IMARAHKAN MASJID, TINGKAT MUTU IBADAT

Datuk Mohd Ajib Ismail

engumuman dibuat kerajaan berhubung peralihan negara ke fasa endemik bermula 1 April depan adalah perkara dinanti-nantikan lebih-lebih lagi berkaitan aktiviti solat berjemaah di masjid dan surau yang kembali dibenarkan tanpa penjarakan fizikal. Berita gembira menjelang ketibaan Ramadan yang semakin hampir ini sudah tentu dibuat berdasarkan fakta dan data serta mengambil kira pelbagai faktor termasuk penilaian risiko daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pandangan dikemukakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Sebagai tanda menzhirkan rasa kesyukuran, umat Islam perlu merelut peluang yang diberikan dengan meningkatkan penyertaan dan kehadiran ke masjid serta surau untuk menunaikan solat secara berjemaah, mengikuti kuliahan, kelas pengajian, bermunajat dan berdoa agar penularan wabak Covid-19 dapat dibendung seterusnya Malaysia berada dalam perlindungan Allah SWT. Perkara itu selaras dengan firman Allah dalam **Surah al-Duha ayat 11** yang bermaksud: "Adapun nikmat Tuhanmu, hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepadaNya."

Justeru melaksanakan segala perintah Allah SWT dengan mengerjakan pelbagai bentuk amal ibadat adalah sebahagian daripada cara mensyukuri nikmat kurniaan-Nya dalam kehidupan.

Bagi golongan melazimi solat berjemaah di masjid dan surau, kelonggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diumumkan sudah tentu menambahkan kenikmatan dalam beribadah kerana ia bukanlah amalan yang dilakukan secara bermusim. Antara tanda seseorang mendapat kemanisan iman ialah apabila dia sangat senang dan cinta untuk melaksanakan ibadah kepada Allah SWT pada setiap masa.

Dengan kemanisan iman, seseorang mampu beristiqamah dan kekal mengerjakan ibadat dan sentiasa rindu melakukannya seperti solat, puasa, membaca al-Quran, berzikir serta menjauhi perbuatan maksiat.

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Tiga perkara apabila terdapat



JAWI baru-baru ini melancarkan Bulan Solat Peringkat Wilayah Persekutuan bertujuan menyeru umat Islam meningkatkan dan memperbaiki mutu ibadat solat.

pada diri seseorang, ia merasai kemanisan iman: Siapa yang cintanya kepada Allah dan Rasul lebih daripada cintanya kepada yang lain, siapa yang cintanya kepada orang lain hanya kerana Allah (dan bukan kerana suatu tujuan dunia) dan dia membenci kembali kepada kekufturan selepas Allah menyelamatkannya (daripada kekufturan), sebagaimana bencinya akan dicampakkan ke dalam api neraka." **Riwayat Muslim**

Keprihatinan dan kerinduan orang ramai untuk kembali merapatkan saf dalam solat mestilah diterjemahkan dan diubati dengan menghadirkan diri beramai-ramai ke masjid dan surau bagi mengimarahkannya pada setiap waktu terutama waktu Subuh.

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Berikanlah khabar gembira kepada orang yang banyak berjalan dalam kegelapan menuju ke masjid dengan cahaya sangat terang pada hari kiamat."

**Riwayat Abu Daud**

Maksud perkataan 'dalam kegelapan' dalam hadis itu ialah solat Isyak dan Subuh dan ayat 'menuju masjid' bermaksud menuju solat berjemaah yang dilaksanakan di masjid.

Pihak masjid atau surau pulak perlu sentiasa menganjurkan program pengimaran dan pengisian kerohanian serta keilmuan dengan pelbagai pendekatan baharu seiring peredaran zaman agar menarik minat untuk dikunjungi oleh ahli kariah.

Setiap anggota masyarakat perlu saling mengingatkan antara

satu sama lain untuk meluangkan masa bagi mengunjungi dan mengimarahkan masjid serta surau sekali gus merebut ganjaran besar yang dijanjikan sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Sesiapa yang pergi ke masjid atau pulang, Allah akan sediakan baginya tempat dalam syurga seperti pergi dan pulang."

**Riwayat Muslim**

Jadikanlah masjid sebagai tempat utama untuk dikunjungi agar peranannya dalam

mentarbiah insan, memperbaiki kerosakan masyarakat, memerangi kemungkar dan membina masyarakat atas dasar taqwa dan keredaan Allah dapat dijayakan. Selaras dengan perkembangan terbaru ini dan bagi menyemarakkan pesta ibadat dalam kalangan umat Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) baru-baru ini melancarkan Bulan Solat Peringkat Wilayah Persekutuan dengan pelbagai pengisian manarik. Program itu

dilaksanakan bertujuan menyeru umat Islam untuk meningkatkan dan memperbaiki mutu ibadat solat dalam kehidupan, menghayati hikmah dan kepentingan solat dalam pembentukan akhlak serta sahsiah insan. Antara pengisian dan aktiviti manarik sepanjang Bulan Solat Peringkat Wilayah Persekutuan adalah kempen Masjid DihatiKu, kemudahan Surau Bergerak yang disediakan di tapak pasar malam yang dikenal pasti sekitar Kuala Lumpur, Bengkel Solat Sempurna serta aktiviti solat berjemaah bersama Komuniti Disayangi seperti mualaf, orang kurang

upaya (OKU), pesakit HIV, transgender, rakan gelandangan dan lainnya termasuk golongan kanak-kanak serta remaja.

Beberapa masjid dan surau di Wilayah Persekutuan turut menganjurkan program Subuh Perdana, Solat Duha Perdana serta pengajian khas berkaitan ibadat solat. Selain itu, Kursus Pengurusan Ibadah Pesakit juga diadakan di hospital dan pusat perubatan bagi mendedahkan ilmu berkaitan rukhsah solat kepada pesakit.

Sekarang bukanlah masanya untuk kita terus berpolemik dan berdebat sesama sendiri atau menjadi pejuang papan kekunci yang galak mengkritik dan melemparkan kecaman di laman media sosial semata-mata. Sebaliknya ayuhlah kita menjadi pejuang sejati dengan merebut peluang untuk melipatgandakan amal ibadat khususnya dalam mengimarahkan masjid dan surau agar ia menjadi bekalan berharga di akhirat kelak.

Firman Allah dalam al-Quran dalam **Surah al-Hasyr ayat 18** yang bermaksud: "Wahai orang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (daripada amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan."

Penulis Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)

P

Jadikanlah masjid sebagai tempat utama untuk dikunjungi agar peranannya dalam mentarbiah insan, memerangi kemungkar dan membina masyarakat dapat dijayakan

**AL-HAQ**  
Sehari sepotong ayat

"Dan sesungguhnya orang-orang yang kafir itu, hampir-hampir menggelincir dan menjatuhkanmu dengan pandangan mereka (yang penuh dengan permusuhan dan kebencian), semasa mereka mendengar Al-Quran sambil berkata: "Sebenarnya (Muhammad) itu, sungguh-sungguh orang gila."  
(Surah al-Qalam, ayat 51)

# Sistem e-Konvo UUM guna RFID

Sistem itu akan digunakan pada Majlis Konvokesyen ke-33 UUM hari ini

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil inisiatif memperkenalkan sistem e-Konvo berdasarkan teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) pada Majlis Konvokesyen ke-33 UUM yang akan berlangsung selama seminggu bermula Ahad di Dewan Mu'adzam Shah, Sintok, di sini.

Naib Canselor UUM, Profesor Dr Haim Hilman Abdullah berkata, pengenalan sistem baharu, RFIPD buat juling kali ini memiliki dua sistem

utama iaitu Sistem Pengurusan Jubah dan Sistem Panggilan Nama Graduan.

Beliau menjelaskan, teknologi RFID itu menggunakan medan elektromagnetik frekuensi radio untuk memindahkan maklumat daripada tag RFID ke pembaca RFID untuk tujuan pengenalan dapat digunakan dalam pelbagai aplikasi.

"Penggunaan RFID ini juga dapat mengurangkan sentuhan dan interaksi secara langsung dalam jarak dekat antara graduan bagi membantu mengawal penularan Covid-19 sepanjang majlis berlangsung."

"Tag RFID bersaiz kecil yang memiliki ketahanan tinggi dan dapat digunakan dalam jangka masa lama akan disematkan pada semua jubah graduan bagi membolehkan jubah di-sewa graduan dapat dikesan pengimbas semasa pengambilan dan pemulangan jubah," katanya dalam satu kenyataan yang di-



Penggunaan RFID dapat meminimumkan tenaga kerja, risiko kehilangan jubah dan pengumuman nama graduan secara automatik ketika menerima skrol di atas pentas.

keluarkan pada Sabtu.

Mengulas lanjut, katanya, penggunaan kad pintar sebelum ini memerlukan petugas untuk menyentuh kad tersebut pada pengimbas tetapi teknologi RFID kini dapat mengurangkan proses

kerja pelaksanaan majlis konvokesyen.

"Antara lain, teknologi ini mengurangkan tenaga kerja staf yang terlibat, selain dapat mengurangkan risiko kehilangan jubah semasa proses pengambil-

an dan pemulangan jubah dan seterusnya meminimumkan kesilapan mengumumkan identiti graduan semasa menerima ijazah," katanya.

Haim memberitahu, teknologi ini membolehkan pengurusan jubah menjadi lebih cekap serta dapat menjana laporan inventori jubah dengan lebih efisien.

"Bagi sistem Panggilan Nama Graduan, tag RFID yang dilekatkan pada jubah graduan akan berfungsi selepas dimباس alat pengimbas RFID dan nama graduan diumumkan secara automatik semasa graduan di pentas untuk mengambil skrol ijazah," katanya.

Dalam pada itu, beliau bangga kerana UUMIT mengambil inisiatif membangunkan teknologi tersebut yang akan digunakan buat pertama kali sebagai inisiatif mengawal penularan wabak Covid-19 mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

## TAJUK: KENDERAAN SEL FUEL HIDROGEN - UKM

SUMBER : METRO AHAD

MUKA SURAT : 24&amp;25

TARIKH : 13/03/2022

INFOGRAFIK

METRO AHAD  
13 MAC 2022

## KENDERAAN SEL FUEL HIDROGEN-UKM

## KERETA KUASA HIDROGEN

**S**ekumpulan penyelidik Institusi Sel Fuel Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membangunkan dua prototaip kendaraan menggunakan tenaga hidrogen.

Penyelidikan dilakukan Pengarah Institusi Sel Fuel UKM Prof Dr Siti Kartom Kamarudin dan Timbalan Pengarah Sel Fuel UKM Prof Madya Dr Mohd Shahbuddin Mastar.

Kendaraan sel fuel hidrogen UKM (menggunakan kereta golf) ini disiapkan dua tahun lalu.

Maka kendaraan hibrid sel fuel hidrogen UKM (kendaraan utiliti sukan hidrojen versi mini) pula disiapkan awal Januari lalu.

Siti Kartom berkata, penyelidikan ini hasil drama Geran Universiti Penyelidikan dan Dana Pembangunan Penyelidikan UKM.

Memerlukannya, pembangunan penyelidikan membalikkan kerjasama beberapa industri seperti Petronas dan syarikat Myrenergy Sdn Bhd.

"Kendaraan sel fuel hidrogen UKM mempunyai keunikan tersendiri kerana sumber kuasa elektrik menggunakan bateri yang digantikan dengan sistem sel fuel bagi meningkatkan kecekapan operasi kereta golf ini."



Prof Dr Siti Kartom Kamarudin

"Ia juga boleh berfungsi sebagai penjanaan kuasa pegun berkuasa 3,000 watt bagi penggunaan peralatan elektrik," katanya.

Beliau berkata, manakala kendaraan hibrid sel fuel hidrogen UKM pula menggunakan bateri dengan nisbah 0.5 yang mana setiap sumber kuasa mampu mencapai kapasiti sehingga 10 kilowatt.

"Ini membolehkan kendaraan bergerak lebih jauh daripada perjalanan asal," katanya.

Siti Kartom berkata, inisiatif penyelidikan ini sebagai tanda sokongan UKM terhadap Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021 hingga 2030 Malaysia untuk mengurangkan pembebasan gas karbon sehingga 45 peratus menjelang 2030.



Dibangunkan menggunakan kendaraan utiliti sukan versi mini sebagai prototaip.



Kendaraan mesra alam yang menggunakan sel fuel hidrogen iaitu teknologi berpancaran sifar, bersih dan bateri.




Mempunyai kuasa elektrik dengan nisbah 0.5 yang mana setiap sumber kuasa sel fuel hidrogen dan bateri mampu mencapai kapasiti sehingga 10kW.



Ini membolehkan kendaraan bergerak lebih jauh dari jarak perjalanan asal.



Kuasa elektrik daripada sel fuel hidrogen dihasilkan secara langsung daripada tindak balas elektrokimia antara gas hidrogen dan oksigen dalam udara tanpa pembakaran.



## SPESIFIKASI KENDERAAN

Jenis prototaip:	Kendaraan hibrid sel fuel hidrogen
Bekalan kuasa:	Sel fuel dan bateri
Kuasa:	10kW
Jenis sel fuel:	Sel fuel membran pertukaran Proton
Sumber bekalan:	Gas hidrogen dan udara
Buangan:	Haba dan air




Proses ini hanya menghasilkan buangan berbentuk air dan haba.




Sistem sel fuel dilengkapai unit sekongan seperti pelembab dan pendingin air untuk memastikan prestasi sistem sentiasa berada dalam keadaan optimum.


BAHAGIAN ATAS



BAHAGIAN BELAKANG



## CARA KENDERAAN BERFUNGSI



**SISTEM SEL FUEL**  
Oksigen disalurkan ke sistem sel fuel di bahagian katod melalui penghemus udara.  
Menggunakan sel fuel membran pertukaran proton (PEMFC) dengan jenis stek sel fuel penyekut-air yang mampu mencapai kapasiti kuasa sehingga 10 kW.

**UDARA**  
Membekalkan oksigen.

## KENDERAAN SEL FUEL HIDROGEN-UKM



Kenderaan mesra alam dan lestari menggunakan sel fuel hidrogen iaitu satu teknologi berpencaran sifir dan bersih.



Kuasa elektrik daripada sel fuel hidrogen dihasilkan secara langsung daripada tindak balas elektrokimia antara gas hidrogen dan oksigen dalam udara tanpa pembakaran.




Proses ini hanya menghasilkan buangan berbentuk air dan haba.



Enam bateri plumbum-asid yang digunakan dalam kereta golf, digantikan dengan sel fuel membran pertukaran Proton berkuasa tiga kiloWatt (kW).





Kenderaan ini dibangunkan menggunakan kereta golf sebagai prototaip.



### SPESIFIKASI KENDERAAN

Jenis prototaip:	Kereta golf elektrik
Bekalan kuasa:	Sel fuel
Kuasa:	3kW@48 volt
Jenis sel fuel:	Sel fuel membran pertukaran Proton
Sumber bekalan tenaga:	Gas hidrogen dan udara
Buangan:	Haba dan air



### KELEBIHAN

#### Kepelbagai tenaga

- Hidrogen boleh dihasilkan daripada pelbagai proses dan sumber tenaga.



- #### Pancaran sifir dan bersih
- Tidak menghasilkan gas karbon dioksida dan gas berbahaya lain ketika beroperasi.



- #### Prestasi
- Kurang bunyi.
  - Sistem sel fuel adalah 75 peratus lebih ringan daripada sistem bateri.
  - Kecekapan tenaga lebih tinggi.
  - Masa pengisian gas hidrogen lebih cepat (tiga hingga empat minit) berbanding masa pengecasan bateri (empat hingga enam jam).



- #### Pembekal tenaga
- Tenaga untuk keperluan kecemasan.
  - Menjadi sumber elektrik mudah alih.




### CARA KENDERAAN BERFUNGSI

- HIDROGEN**  
Gunakan gas hidrogen tekanan tinggi.
- TANGKI HIDROGEN**  
Gas hidrogen tekanan tinggi disimpan di dalam tangki hidrogen termampat.
- SEL FUEL**  
Gas hidrogen disuplai ke sistem sel fuel di bahagian anod dengan kadar arus yang dikawal oleh bukaan injap dan pelarasan tekanan melalui pengawal selejutnya berdasarkan kapasiti yang diperlukan sistem sel fuel.
- UDARA**  
Membekalkan oksigen yang disalurkan ke sistem sel fuel di bahagian katod melalui penghembus udara.

- MOTOR**  
Untuk kuasa pecutan kuasa.
- KAWALAN TENAGA**  
Berfungsi untuk menghubungkan keperluan kuasa elektrik sel fuel dan super kapasitor bagi memperoleh penggunaan tenaga kuasa yang optimum.

### BAHAGIAN ATAS



BH AHAD 13 Mac 2022

Nasional

15

# UTM institusi pendidikan, penyelidikan unggul

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com

**Johor Bahru:** Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang menyambut 50 tahun penubuhannya esok terus unggul sebagai institusi pengajian tinggi yang telah berjaya mengeluarkan ribuan teknokrat industri kejuruteraan dan teknikal bagi menyokong pemacuan Revolusi Perindustrian Ke-4 negara.

UTM mula bertapak seawal tahun 1904, dari Sekolah Teknik Treacher yang kemudiannya dinai taraf kepada Maktab Teknik pada 1946.

Institusi ini seterusnya dinaik taraf kepada Institut Teknologi Kebangsaan (ITK) berstatus Universiti pada 1972 dan seterusnya mencipta sejarah apabila diisytiharkan dengan nama baharu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Marhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Badlishah.

Kini, UTM telah melahirkan lebih 200,000 graduan yang kini berkhidmat di seluruh dunia.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Ahmad Fauzi Ismail, berkata selaras dengan misi membangunkan bakat holistik dan mensejahtera kehidupan menerusi ilmu dan inovasi teknologi, UTM sentiasa mengetengahkan bakat, mendidik serta mewujudkan peluang kepada pelajar dan staf untuk mengembangkan potensi diri.

Katanya, sebagai contoh menerusi program 'UNIX' pelajar menjalani latihan praktikal di industri dengan memfokuskan kepada solusi setiap permasalahan yang dihadapi industri.

Pihak industri menjadi rakan penting UTM dalam merealisasikan hasrat menjelaskan hasil penyelidikan yang berimpak, selain membentuk pemikiran bakal graduan yang mahu mencipta pekerjaan.

Contoh kerjasama universiti-industri melalui projek penyelidikan kontrak dan perundingan dengan pihak Petroleum Nasional Berhad (Petronas), MMC Corporation Berhad, UMW Corporation Sdn Bhd, Sime Darby Berhad dan syarikat-syarikat tempatan menjadi bukti penerimaan hasil daripada idea dan inovasi penyelidik di UTM dalam pembangunan teknologi dan ekonomi negara pada masa kini.

"Minda entrepreneur serta penghasilan harta intelek penyelidikan yang dijalankan akan tu-

rut menjadi pemangkin kepada pembangunan syarikat pemula dan syarikat hilir yang bukan sahaja menjadi penyumbang kepada pembangunan industri kejuruteraan dan teknikal negara, malah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada graduan UTM serta institusi lain.

"Di UTM, antara syarikat yang berjaya mewujudkan peluang pekerjaan termasuklah RunCloud, Biopro Resources Sdn Bhd dan DF Automation & Robotic Sdn Bhd," katanya

## Melahirkan Graduan Pelapis Negara

Mengulas peranan UTM dalam melahirkan graduan terbilang untuk pembangunan negara pasca 50 tahun UTM, Ahmad Fauzi berkata, kebolehpasaran graduan (GE) UTM sememangnya dipacu bagi melahirkan bakat holistik dalam kalangan mahasiswa dan graduan selaras dengan hala tuju pelan strategik 'enVision' UTM 2025 dan Lima Agenda Perdana tahunan yang diperkenalkan oleh beliau sejak 2021.

Katanya, antara langkah UTM dalam memastikan GE yang tinggi adalah dengan penghasilan kualiti pengajaran cemerlang yang dilakukan menerusi siri libat urus industri dan kerjasama global praktikal yang erat bersama institusi luar negara.

"UTM juga membuat pelantikan pakar dalam bidang sebagai profesor adjung daripada kalanngan alumni yang merupakan teknokrat terkemuka negara untuk menasihati fakulti dalam hal ewal pengajaran dan penyelidikan yang relevan dengan ke-



perluhan kontemporari.

"Program '5ETP' turut memainkan peranan besar dalam membentuk graduan cemerlang. Contohnya, Muhamad Syafik Rahmat yang juga penerima Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan 2018 daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), beliau kini staf UTM yang membantu perkembangan institusi kami," katanya.

## Mensejahterakan Kehidupan dengan Kecemerlangan Kesarjanaan

Mengenai peranan universiti untuk pembangunan negara, Ahmad Fauzi berkata, telah tiba masanya kita mengangkat inovasi, teknologi dan solusi yang dibangunkan oleh universiti tempatan ke tahap yang lebih tinggi.

Transformasi mentaliti dari pengguna teknologi kepada pencipta teknologi khususnya hasil penyelidikan tempatan perlu diterapkan dan diterima di sisi masyarakat dan industri.

Beliau berkata, UTM telah memperuntukkan dana khas untuk membangunkan teknologi bagi menyelesaikan masalah yang terdapat di dalam kampus, antaranya 'Jaga Drone' yang di-

“Transformasi mentaliti dari pengguna kepada pencipta teknologi khususnya hasil penyelidikan tempatan perlu diterapkan dan diterima di sisi masyarakat dan industri”

Dr Ahmad Fauzi Ismail,  
Naib Canselor UTM



aplikasikan dalam pengoperasian keselamatan universiti yang lebih efisien.

Bagi memperkasakan sinergi antara universiti dan industri, UTM telah memperkenalkan inisiatif Makmal Satelit Industri (*Industry Satellite Lab*) serta Makmal Hidup (*Living Lab*) yang berfungsi untuk membangunkan inovasi baharu untuk dimanfaatkan oleh pihak industri maupun masyarakat. Kewujudan universiti juga seharusnya mensejahterakan masyarakat menerusi program pemindahan ilmu atau teknologi untuk masyarakat yang berimpak dan lestari.

Walaubagaimanapun, ianya memerlukan pembabitan empat sektor utama iaitu ahli akademia, industri, kerajaan dan juga masyarakat dalam memainkan peranan masing-masing untuk saling melengkapi bagi memastikan peranan universiti dioptimalkan.

"UTM contohnya, mewujudkan konsortium AIMS4STAR (Academia, Industri, Government and Society for Synergistic Transformation) sebagai pelantar berkolaborasi dan mencipta impak menyeluruh.

"Sumbangan membabitkan perniatian ilmiah dan harta intelek adalah sumbangan asas penting yang akan terus UTM berikan, selari dengan sumbangan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat," katanya.

Beliau berkata, UTM akan terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan komuniti menerusi program kesedaran, kemasyarakatan selain pemindahan pengetahuan.

"Kepakaran yang ada di UTM

yang dibangunkan daripada Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama industri menyumbang dana kepada program tanggungjawab sosial bukan sahaja akan membantu memberi solusi kepada masyarakat, malah membimbing mereka menjadi individu yang berilmu.

"Sektor kerajaan pula adalah penggubal polisi serta boleh mendcadangkan insentif bagi menggalakkan kerjasama antara universiti dan industri dalam projek komuniti, manakala masyarakat perlu terbabit dan mengupaya advokasi awam melalui program kesukarelawan serta kesarjanaan awam serta memastikan komuniti yang ingin dibantu berupaya menjadi masyarakat berdikari," katanya.

Ahmad Fauzi berhasrat supaya langkah itu menjadikan graduan UTM mempunyai nilai tambah tinggi kerana institusi itu yang juga sebuah Universiti Penyelidikan (RU) berperanan besar dalam me-lahirkan graduan yang holistik.

Sebagai alumni UTM, beliau percaya graduan yang dilahirkan UTM amat cemerlang berbekalan jati diri yang tinggi dan tersematnya moto keramat 'Kerana Tuhan Untuk Manusia' dalam hati mereka.

Katanya, tiada noktah dalam mencapai kecemerlangan, bahkan ia akan terus dilakar dan diperkasa dari semasa ke semasa.

"UTM kekal komited menjadi institusi pendidikan dan penyelidikan ulung negara serta dunia khasnya dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan, selain jalinan strategik dan bermakna dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan."

"Dengan garapan usaha pendidikan dan penyelidikan merentas bidang, UTM akan terus memacu kecemerlangan berteras kan nilai ilmiah yang menandakan satu perbezaan ketara dengan institusi lain."

"Pada era terdahulu, kita mempunyai sarjana Islam ulung seperti Ibnu Sina, Al-Khawarizmi dan Jabir Ibnu Hayyan. Kini negara dan dunia perlukan sarjana ulung seperti mereka dalam membawa dunia kepada kesejahteraan dan kemakmuran bersama."

"Saya berharap, pada masa nanti, ada warga atau alumni UTM yang diiktiraf dunia melalui anugerah berprestij seperti Anugerah Nobel. Ini tidak mustahil untuk terjadi. Sama-sama kita berusaha dan berdoa agar ia menjadi kenyataan," katanya.



UTM terus komited melahirkan graduan cemerlang untuk menyokong pembangunan negara.

TAJUK: PANDEMIK TAK HALANG PERPUSTAKAAN TINGKAT MUTU PERKHIDMATAN

SUMBER : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

TARIKH : 15/03/2022

12

Rencana

Selasa, 15 Mac 2022 BH

# Pandemik tak halang perpustakaan tingkat mutu perkhidmatan

Oleh Md Razib Kurnio  
bh.rencana@bh.com.my



Timbalan Ketua  
Pustakawan  
Perpustakaan  
Universiti Teknologi  
Malaysia (UTM)

**Pandemik COVID-19** melanda seluruh dunia, termasuk Malaysia sejak 2020 menyebabkan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularannya.

PKP menyebabkan kerajaan menutup hampir semua sektor ekonomi dan perkhidmatan. Justeru, turut menerima kesannya ialah universiti, kolej, institusi pendidikan dan sekolah. Sebahagian besar institusi pendidikan terpaksa ditutup dan jika dibuka, operasinya berdepan larangan sangat terhad dan ketat.

Dalam hal ini, fungsi perpustakaan di universiti turut terjejas dan terkesan akibat PKP. Namun, perkhidmatan perpustakaan tetap diteruskan dengan perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketat.

Keaduan ini mendorong perpustakaan, terutama di institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) bertindak pantas merangka beberapa aspek keselamatan dan kemudahan pantas bagi memenuhi kehendak pelanggan memerlukan perkhidmatan maklumat segera.

Sekatan larangan dan ruang terhad bagi pengguna perpustakaan secara fizikal mendorong perkhidmatan diubah sesuai dengan norma baharu bagi mengekalkan fungsinya tanpa sebarang kekuaran.

Dalam mendepani cabaran ini, pustakawan perlu lebih kreatif untuk memastikan fungsi perpustakaan sebagai gedung ilmu dan maklumat kepada pengguna, walaupun berdepan pandemik dan sekitar pergerakan fizikal.

Antara yang terpaksa dilakukan seperti melaksanakan pelbagai kaedah penyampaian maklumat kepada pengguna bagi memastikan fungsi perpustakaan kekal relevan. Ini termasuk mewujudkan perkhidmatan secara dalam talian.

Perkhidmatan ini bukan sekadar dalam urusan meminjam dan pemulangan buku atau bahan ilmiah, sebaliknya segala maklumat yang dicari pengguna khususnya penuntut serta kakitangan akademik.

Penambahbaikan perkhidmatan perlu dilaksanakan seperti mewujudkan sistem pengesanan aktiviti pengguna. Sistem ini dibangunkan bagi kegunaan merekod kehadiran pelawat ke perpustakaan sepanjang tempoh pandemik.

Ia dibangunkan melalui aplikasi pengaturcaraan program 'php' atau sumber terbuka yang bertujuan mengesan data maklumat pengguna sama ada kakitangan akademik, pelajar atau pengguna luar.

Sistem ini mampu mengenalpasti jumlah pengguna perpustakaan dan berintegrasi dengan sistem pangkalan data. Sistem ini boleh diakses melalui login berdasarkan nombor identiti pelajar, kad pengenalan atau kod bar pengguna.

Sistem ini juga mampu mengesan maklumat lengkap pelawat seperti nama, alamat, telefon, emel, kod serta tarikh dan masa mereka masuk ke perpustakaan.

Setiap rekod kemasukan ini disimpan bagi membolehkan dapatan semula data pihak perpustakaan untuk mengenal pasti pelawat berisiko kepada kontak jangkitan dan dihubungi. Sistem ini berkesan untuk mengesan lokasi kontak rapat.

Sistem lain disediakan perpustakaan, termasuk sembang dalam talian perpustakaan kerana perkhidmatan runding rujuk secara bersemuka adalah perkhidmatan sangat penting memberikan maklumat segala keperluan pengguna, seperti nasihat

pencarian maklumat dan rujukan penyelidikan ilmiah.

Sepanjang PKP, perkhidmatan bersemuka bersama pelajar terpaksa dihentikan. Oleh hal demikian, satu aplikasi sembang secara maya boleh dibangunkan seperti dilaksanakan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Sistem sembang secara maya ini dibangunkan sebaik saji PKP dilaksanakan tetapi dikawal selia oleh pustakawan bagi menjawab segala persoalan secara terus dengan pengguna.

Langkah proaktif lain ialah membangunkan laman web COVID-19 yang memuatkan tiga perkara utama seperti maklumat umum jangkitan COVID-19, berita terkini, senarai koleksi bahan berkaitan COVID-19, koleksi terbuka dan infografik.

Maklumat langsung dari portal Kementerian Kesihatan (KKM) serta pesanan dari kerajaan turut disediakan di laman web ini bagi kemudahan pengguna.

Pustakawan juga perlu melihat alternatif lain bagi memastikan perkhidmatan kepada pengguna tidak terjejas. Ini termasuk mengambil inisiatif mengkaji beberapa sistem pengurusan perpustakaan lain bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan perpustakaan yang cekap dan berkesan dikekalkan.

**Penambahbaikan perkhidmatan perlu dilaksanakan seperti mewujudkan sistem pengesanan aktiviti pengguna. Sistem ini dibangunkan bagi kegunaan merekod kehadiran pelawat ke perpustakaan sepanjang tempoh pandemik**

Pembangunan sistem perpustakaan berdasarkan 'sumber terbuka' membolehkan tugas katalog bahan mampu dilakukan secara bekerja di rumah (WFH). Hasil daripada pembangunan ini mampu memberikan impak besar kepada produktiviti dan hasil kerja staf perpustakaan walaupun hanya bekerja di rumah.

Sepanjang PKP, pustakawan juga perlu mencari jalan bagaimana hendak membolehkan pengguna membuat pencarian pelbagai maklumat di pusat setempat tetapi masih dapat berhubung dengan perpustakaan.

Kaedah ini mengubah pandangan pengguna daripada penggunaan pencarian melalui *Online Public Access Catalog* (OPAC) kepada pusat pencarian sehenti mirip pencarian enjin Google dan lebih bebas.

Secara keseluruhannya, pustakawan perlu mengambil langkah proaktif dan mempelbagaikan ilmu dalam menangani norma baharu perkhidmatan mereka ketika dan pasca COVID-19.

Segala itu dan permasalahan mengenai perkhidmatan perpustakaan perlu ditangani dan direkodkan sebagai rujukan data bagi membantu membuat keputusan di masa hadapan.

Dalam dunia serba moden dan canggih dengan kemajuan ICT, pustakawan perlu 'berevolusi' dan 'berevolusi' secara 'versatile' bagi memenuhi keperluan pengguna dan organisasi.

Pustakawan juga perlu berasimilasi dengan pantas dengan teknologi baharu dalam mendepani perubahan persekitaran mengikut keperluan serta kemahiran tambahan diperlukan.

Pada era digital, menjadi keperluan bagi pustakawan untuk lebih inovatif dan kreatif, memaparkan karakter luar biasa untuk berdepan dengan pandemik serta mengekalkan penyampaian perkhidmatan cekap kepada pengguna.



TAJUK: UJIAN GENETIK BANTU KESAN RISIKO KANSER

SUMBER : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 38

TARIKH : 19/03/2022

SABTU, 19 MAC 2022 BH

## ZON SIHAT

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

Seawal usia 21 tahun, seseorang individu itu sudah boleh mengesan sama ada menjadi pembawa kepada risiko mendapat kanser keturunan.

Ia boleh dilakukan dengan menjalani ujian genetik sama ada menerusi ujian darah atau air liur dengan keputusan ujian boleh diperoleh dalam tempoh tiga sehingga empat minggu.

Bagaimanapun, sebelum menjalani ujian itu, seseorang individu itu perlu berjumpa dengan kaunselor genetik terlebih dahulu untuk mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat.

Kaunselor Genetik Hospital Beacon, Yoon Sook Yee, berkata perubahan genetik seseorang individu itu sama ada secara keturunan, boleh diuji dengan membuat ujian genetik.

Katanya, ujian itu boleh mengetahui pasti gen mana yang mengalami kerosakan dan mungkin meningkatkan risiko dalam seorang pembawa itu.

"Namun, individu itu perlu berjumpa dengan kaunselor genetik terlebih dahulu untuk mendapatkan kaunseling genetik.

"Kaunseling ini bertujuan mendapatkan penerangan dan maklumat yang tepat selain sokongan psikososial kepada seseorang yang ingin menjalani ujian genetik," katanya.

**Buat ujian genetik**

Sook Yee berkata, tujuan utama menjalani ujian genetik adalah untuk mengenal pasti sekiranya individu itu ada membawa perubahan genetik yang mungkin meningkatkan risiko beberapa jenis kanser.

Ini kerana katanya, risiko untuk mendapat kanser lebih tinggi berbanding dengan orang ramai. Justeru dengan menjalani ujian genetik, dapat memahami risiko diri sendiri.

"Sekiranya seseorang itu disahkan menjadi pembawa, maka dia boleh menjalankan pemantauan atau membuat rancangan pemantauan untuk menurunkan risiko berkenaan.

"Kaunselor genetik akan membantu dengan memberikan maklumat supaya seseorang yang ingin menjalani ujian itu tahu kebaikan, keburukan dan impak selepas mendapat keputusan profil genetik.

"Profil genetik mempunyai unsur keturunan namun tidak semua orang memahaminya tetapi maklumat sedemikian amat penting untuk diri sendiri dan keluarga," katanya.

Beliau berkata, individu yang

Untuk pengesan awal kanser payudara, masih boleh membuat mamogram iaitu ujian x-ray payudara atau Magnetic Resonance Imaging (MRI). (Foto hiasan)



# Ujian genetik bantu kesan risiko kanser

## Kaunselor genetik beri khidmat nasihat, sokongan psikososial pesakit

layak menjalani ujian genetik adalah mereka yang mengalami kanser pada umur yang muda atau mempunyai ahli keluarga yang menghidapi beberapa jenis kanser dari kluster sama.

**Untuk cari rawatan sesuai**

Katanya, sebagai contoh dalam sebuah keluarga terdapat ibu saudara yang menghidap kanser payudara di bawah usia 40 tahun, dia mungkin perlu menjalani ujian genetik.

"Sekiranya didapati kanser tersebut jenis yang berketurunan, maka ahli keluarga lain juga disyorkan menjalani ujian genetik.

"Mereka disyorkan untuk menjalani ujian genetik kerana jika itu adalah kanser keturunan bukan sahaja boleh membuat pemantauan awal, tetapi juga untuk sesetengah kanser ia dapat digunakan untuk mencari rawatan yang sesuai bergantung kepada profil genetik.

"Selain itu, ujian juga dapat memastikan jenis kanser dan sama ada unsur keturunan atau tidak kerana jika individu itu mempunyai kanser, anaknya berkemungkinan mendapat kanser juga," katanya.

**Anak berisiko tinggi dapat kanser**

Sook Yee berkata, 50 peratus setiap anak ada membawa perubahan genetik sama sekiranya ibu atau ayah sudah dipastikan menjadi pembawa.

Beliau berkata, anak yang juga didapati mewarisi perubahan yang sama mungkin berisiko mendapat

kanser bergantung kepada gen dan kerana itu mereka perlu lebih berhati-hati.

Katanya, bukan sahaja anak-anak, tetapi adik beradik ibu daripada ibu bapa yang sama juga mungkin menjadi pembawa dan mempunyai risiko tinggi mendapat kanser.

"Justeru sebelum kanser berlaku, boleh membuat ujian genetik terlebih dahulu kerana jika baru disahkan berisiko tinggi boleh mendapatkan rawatan awal malah usaha untuk sembuh menjadi lebih mudah," katanya.

Sebagai contoh selebriti antarabangsa, Angelina Jolie yang disahkan sebagai pembawa dan berisiko tinggi mendapat kanser kerana ibu dan neneknya menghidap kanser ovarium dan payudara.

Katanya, Angelina kemudian mengambil keputusan membuang payudara dan ovarinya kerana bimbang mendapat kanser yang sama.

"Bagaimanapun, bukan semua orang akan berpendapat yang sama untuk mengambil tindakan membuang payudara dan ovarium kerana jika sudah disahkan pembawa, boleh mengambil pelbagai



**“Keputusan untuk membuat ujian genetik itu juga perlulah dibuat sendiri tanpa paksaan daripada mana-mana pihak”**

**Yoon Sook Yee**

**Dapatkan akses kaunseling genetik**

"Sebagai Presiden Persatuan Genetik Kaunseling Malaysia, saya berharap dapat meningkatkan akses kaunseling genetik supaya lebih meluas.

"Ketika ini cabaran yang dihadapi adalah jumlah kaunselor yang terlalu sedikit sekali gus mengurangkan peluang untuk membantu orang ramai memahami risiko kanser dan tujuan ujian genetik," katanya.

Sook Yee berkata, selain tahap kesedaran yang masih rendah, kos menjalankan ujian genetik yang tinggi iaitu kira-kira RM2,000 ke atas, menyebabkan orang ramai enggan melakukan ujian itu.

Namun katanya, apa yang penting adalah jika mengetahui diri mempunyai risiko pembawa, boleh berjumpa dengan kaunselor genetik terlebih dahulu untuk berunding dan mendapatkan pandangan pakar.



TAJUK: HARGA BUKU TERPAKAI KARYA SASTERAWAN SANGAT MELAMPAU

SUMBER : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 39

TARIKH : 20/03/2022

BH AHAD 20 MAC 2022

39

ASTERA | PERSPEKTIF

# Harga buku terpakai karya sasterawan sangat melampau

**Oleh Wan Nor Azriq**

Pulau Pinang kaya dengan kedai buku terpakai, malah lebih banyak dari Kuala Lumpur. Ini tidak menghairankan kerana pada awal abad kedua puluh, Pulau Pinang adalah sebuah pusat percetakan di Tanah Melayu.

Di pulau mutiara inilah lahirnya Jelutong Press bersama dua pengarang terpentingnya iaitu Syed Sheikh Al-Hadi dan Ahmad Rashid Talu.

Peminat sastera hari ini hanya datang ke Pulau Pinang

untuk memburu buku terpakai sambil melancong. Tetapi siapa sangka harga sebungkus murtabak kambing jauh lebih murah berbanding buku puisi Usman Awang dan novel Azizi Haji Abdullah.

Selalunya pemburu buku terpakai akan terus menuju ke Pasar Chowrasta apabila tiba di Pulau Pinang. Tetapi tidak jauh dari pasar terkenal itu, terdapat sebuah kedai buku terpakai berhampiran Jalan Hutton. Kejinjalaan kelihatan masih baharu, malah agak tersorok kerana dibayangi oleh sebuah hotel warisan yang cantik.

Apabila orang kaki buku masuk ke kedai buku terpakai, ia sama seperti masuk ke bilik pameran kereta. Kita

jadi rambang mata. Terlalu banyak pilihan dan tidak tahu di mana hendak bermula. Seperti biasa, kita tidak fikir lagi tentang harga buku. Mata kita lebih sibuk mengimbas judul dan nama pengarang.

**Lambakan buku**

Kedai di Jalan Hutton itu ternyata mempunyai ruang belakang dan rak khusus buat koleksi sastera Melayu. Toleh ke kiri, nampak label "Azizi Haji Abdullah," toleh ke atas nampak label "Arena Wati," toleh ke karian nampak label "Shahnon Ahmad." Mengagumkan. Itu belum ambil kira lambakan buku di atas lantai dengan beraneka judul menarik.

Di antara timbunan harta karun itu, nama Mana Sikana berkila-kila bagai permata. Buku kajian sastera beliau yang pernah diterbitkan oleh Fajar Bakti. Dengan hati terkinja-kinjal kita menariknya keluar. Tetapi

keseronokan segera bertukar menjadi kekecewaan dan amarah: harga buku itu adalah RM185! Padahal usia buku tidak sampai 20 tahun!

Adakah sebab ia berkulit keras, maka ia diletakkan harga mahal? Rupanya



hampir semua buku sastera di ruang itu dijual melebihi RM80. Novel Faisal Tehrani dan Shahnon Ahmad jangan harap akan jumpa bawah RM100.


Fenomena malang dan melampau ini berlaku kerana pedagang-pedagang buku terpakai dikatakan mengikut harga pasaran dalam talian. Ya, kita faham, matlamat seorang pengumpul buku langka tidak sama dengan minat pengarang atau pembaca sastera biasa.

Pengumpul memburu buku sama seperti penjarah makam memburu keranda firaun di Mesir. Nilai buku terletak pada tahun cetakan, keterbatasan bilangan naskhah, dan ada waktunya, permintaan tinggi di kalangan peminat tegar seorang penulis.

**Khazanah sastera**

Tetapi kenapa hobi pengumpul buku harus mempengaruhi kuasa pembelian pembaca umum? Kenapa pembaca perlu membayar RM50, RM80, RM150 untuk mendapatkan, misalnya, kumpulan cerpen Zaharah Nawawi? Usia buku Zaharah Nawawi mungkin lebih kurang sama dengan usia buku-buku terkenal Shahnon Ahmad. Tetapi tidak mungkin permintaan terhadap buku Zaharah sama dengan permintaan terhadap buku Shahnon. Akhirnya khazanah sastera kita hanya tinggal sebagai artifak dan barang bidaan dalam kalangan pedagang dan pengumpul buku terpakai.

Setiap pembaca berhak membeli, membaca, dan menjual sebuah buku mengikut kehendak hatinya. Tetapi mungkin sebuah buku tidak sama dengan memiliki sebuah karya. Karya adalah milik semua: pengarang, penerbit, pembaca, masyarakat, dan tradisi sastera. Membiarakan karya sastera diperdagangkan sewenangnya menyebabkan ia tidak dapat dinikmati oleh lebih ramai pembaca. Ia juga sudah menjadi bahan langka yang kedudukannya seperti bahan pameran sahaja sedangkan buku sebenarnya perlu dibaca.



Peminat sastera hari ini hanya datang ke Pulau Pinang untuk memburu buku terpakai sambil melancong.

Fd

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: JONATHAN, ZAIDATUL PALING UNGGUL

SUMBER : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 47

TARIKH : 20/03/2022

BH AHAD 20 Mac 2022

Sukan

# Jonathan, Zaidatul paling unggul



Ditabal raja,  
ratu pecut  
selepas menang  
acara 100m

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_no@bh.com

**ohor Bahru:** Jaguh pecut kebangsaan, Jonathan Nyepa dan Zaidatul Husniah Zulkifli menepati ramalan apabila muncul sebagai raja dan ratu pecut Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2022 Sirkit 1, di sini, kelmarin.

Namun, kejayaan Zaidatul Husniah yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) mencuri perhatian apabila berjaya meraih emas selepas mengetepikan cabaran Olimpian negara, Azreen Nabila Alias menerusi catatan 11.89 saat (s).

Azreen yang bersaing pada temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan turut mewakili UPM, terpaksa berpuas hati dengan pingat perak menerusi catatan 11.90s manakala gangsa dimenangi Nor Sarah Adi dari UPM (12.10s).

Pada temasya di Tokyo tahun lalu itu, Azreen mencetuskan sensasi dalam pusingan kelayakan acara 100m apabila berjaya merakam catatan masa 11.77 saat sekali gus menamatkan saingan di tempat kedua.

Namun, catatan Zaidatul Hus-



Zaidatul Husniah (kanan) mengatas Azreen Nabila dan Nor Sarah Adi pada Kejohanan Olahraga IPT 2022 Sirkit 1 di Stadium Olahraga, Kompleks Sukan Negeri Johor, Mount Austin, Johor. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

niah yang juga pemenang pingat emas Sukan Universiti ASEAN 2016 dalam acara 100m itu malam kelmarin, jauh daripada masa terbaik peribadinya iaitu 11.59s yang dicatatkan di Weinheim, Jerman pada 2018.

Zaidatul Husniah berkata, beliau menyertai kejohanan itu sebagai persediaan dan memperbaiki catatan masanya selepas pulih daripada pembekahan lutut *ante-*

*rrior cruciate ligament (ACL)* yang dijalannya pada 2020.

"Macam saya, persiapan saya memang ambil jangka masa panjang. Sebab sebelum ini, saya menjalani prosedur ACL, jadi tempoh pemulihan tu memang sangat panjang. Ambil masa lebih kurang dua tahun juga."

"Sasaran saya mahu perbaiki catatan masa tahun ini dengan menyertai seberapa banyak kejo-

hanan. Jadi, ini adalah permulaan yang baik untuk saya menyertai kejohanan akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Jonathan yang turut mewakili UPM meraih emas dalam acara 100 meter apabila mencatatkan 10.51s, iaitu catatan peribadi terbaiknya tahun ini. Pada Kejohanan Olahraga Perak All-Comers Februari lalu, dia mencatatkan masa 10.64s untuk meraih perak.

TAJUK: UPM RANGKA PELBAGAI INISIATIF PASTIKAN WARGA KAMPUS SEJAHTERA

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT: 10

TARIKH: 22/03/2022

Selasa, 22 Mac 2022 BH

# MukaSepuluh

E-mel: [bhrenanca@bh.com.my](mailto:bhrenanca@bh.com.my) BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

# UPM rangka pelbagai inisiatif pastikan warga kampus sejahtera

Oleh Prof Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman  
**bhrenanca@bh.com.my**



Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Fasa** peralihan ke endemik mulai 1 April ini sememangnya ditunggu-tunggu banyak pihak selepas dua tahun negara berada dalam fasa pandemik dengan pelbagai prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Fasa peralihan ini dijangka membolehkan rakyat menjalani kehidupan normal melalui fasa baharu ini.

Sejak perkembangan ini, kerajaan memutuskan hanya satu SOP kekal dikuatkuasakan dalam fasa peralihan ke endemik berbanding 181 SOP ditetapkan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebelum ini.

Bagaimanapun, fasa baharu bermula 1 April ini masih dianggap sebagai fasa sementara sebelum negara ke fasa endemik sepenuhnya, tertakluk kepada pengumuman Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pemakaian pelitup muka misalnya masih diwajibkan di tempat awam. Ini bermakna, kesiasiaaan rakyat mendepani impak COVID-19 mesti sentiasa pada tahap tinggi kerana aspek kesihatan awam dan keselamatan insan wajib kekal terpelihara.

Tidak dinafikan COVID-19 memberi impak ketaera kepada tahap kesejahteraan masyarakat. Hal ini berpunca daripada ketidaksamaan dalam aspek ekonomi dan sosial.

Dalam hal ini, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) bagi 2020 mencatat kemerosotan sebanyak 2.1 peratus kepada 118.3 mata berbanding 120.8 mata pada 2019, berpunca daripada pandemik COVID-19.

Institusi pendidikan tinggi (IPT) khususnya universiti sentiasa dituntut memacu kecemerlangan supaya terus relevan dalam konteks kesohor institusi dan pembangunan negara.

Namun, ramai kurang menyedari kecemerlangan ini sebenarnya bertitik tolak daripada tahap kesejahteraan warga IPT, sama ada ahli akademik, pentadbir maupun pelajar.

Ketika mahu mengejar kecemerlangan organisasi dan memenuhi sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) saban tahun, kadang-kadang kita terlupa yang bekerja bagi memastikan kehebatan sesebuah institusi adalah manusia bukannya robot.

Kudrat manusia ada batasnya dan kekuatan emosi mereka boleh terganggu jika persekitaran kerja tidak kondusif. Ada dalam kalangan mereka berjaya mengatasi cabaran bekerja, namun ada yang tidak berjaya mengawalnya sehingga memberi kesan kepada kesejahteraan diri.

Dalam konteks di universiti, warga IPT dituntut bekerja dan memberi perkhidmatan terbaik berdasarkan konsep amanah dan tanggungjawab. Prestasi kerja mereka dinilai dan diukur setiap tahun sama ada cemerlang atau sebaliknya.

Namun, keupayaan mereka sama ada kekuatan fizikal atau kesihatan mental terdedah kepada pelbagai risiko seperti potensi berpenyakit kronik aki-

bat tekanan bekerja berlebihan, gangguan kesihatan mental akibat suasana kerja tidak harmoni dan ekosistem tidak kondusif.

Semua faktor ini boleh menjadikan prestasi dan kualiti kerja seseorang untuk memberikan perkhidmatan terbaik.

Pada peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Pelan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi dikenalkan sebagai garis panduan IPT memperkuuhkan aspek kesejahteraan di kampus masing-masing.

Universiti Putra Malaysia (UPM) turut sama prihatin dalam aspek kesejahteraan warganya. Dalam hal ini, UPM memperkenalkan Indeks Kesejahteraan UPM 2021 bagi tujuan mengukur kesejahteraan warga UPM dalam merencanakan program dan inisiatif yang mampu mewujudkan persekitaran kerja lebih kondusif di kampus Serdang dan Bintulu, Sarawak.

Domain penyumbang utama kepada kesejahteraan staf UPM merujuk kepada kecaknaan UPM mengutamakan etika kerja dalam sistem operasi sehari-hari universiti, kebanggaan staf terhadap imej dan reputasi UPM sebagai universiti tersohor dalam dan luar negara.

Ia termasuk keprihatinan pengurusan UPM terhadap kepentingan mewujudkan keseimbangan antara kehidupan keluarga dengan kerja (*work-life balance*) dalam ekosistem sumber manusia UPM.

Domain yang memerlukan penambahbaikan untuk meningkatkan kesejahteraan warga UPM ialah penambahbaikan ekosistem kerja, peluang pembangunan kerjaya lebih jelas dan meluas serta pengurusan beban kerja secara tersusun dan terancang.

Bagi melonjakkan lagi tahap kesejahteraan warga universiti, beberapa langkah dicadang untuk dilaksanakan. Pertama, bagi peningkatan suasana kerja ahli akademik lebih sejahtera, peraturan kehadiran di universiti boleh ditambah baik.

Dalam hal ini, mereka dibenarkan untuk *remote working* seperti merakam kehadiran dari luar kam-

pus untuk dua hari dalam seminggu, manakala tiga hari selebihnya perlu hadir bekerja dan merekodkan dalam sistem perakam di universiti.

Kedua, untuk meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan pentadbir dan kumpulan pelaksana, aspek seperti beban tugas, sistem kenaikan pangkat dan kemudahan perumahan untuk kakitangan perlul dilihat semula.

Ketiga, selain memberi penekanan kepada KPI, aspek Petunjuk Amal Utama atau *Key Intangible Index* (KII) boleh diperkasakan dengan penekanan kepada soal kualiti.

Aspek kualiti seperti nilai integriti, ketekunan dan komitmen terhadap institusi perlu diambil kira dalam mengukur kecemerlangan dan prestasi. Ini akan memberikan keseimbangan kepada KPI.

Keempat, aspek kesejahteraan warga universiti boleh juga ditingkatkan melalui galakan dan promosi gaya hidup sihat.

Dalam aspek ini, universiti boleh menyusun beberapa program dan aktiviti riadah secara berkumpulan di sebelah petang selepas waktu pejabat.

Aspek ini sangat penting kerana hanya warga universiti sihat dan cergas, dapat bekerja dengan baik dan optimum.

Kelima, universiti wajar terus membina budaya kasih sayang, prihatin dan empati dalam kalangan warganya.

Nilai kemanusiaan tanpa mengira latar belakang menjadi asas kepada pembinaan warga sejahtera di kampus.

Kesejahteraan warga universiti adalah suatu hal sangat penting. Universiti tidak wajar terlalu ghairah mengejar kemasyhuran tanpa melihat perkara asas ini.

Kesejahteraan warga universiti adalah nadi kecemerlangan, al-Falah (kejayaan) dan kelangsungan institusi yang tidak boleh dikompromikan.

Menjadi tanggungjawab kepimpinan universiti menyediakan ekosistem bekerja kondusif supaya warga universiti boleh menjalani kehidupan selesa bagi melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.



Kesejahteraan warga universiti menyumbang imej dan reputasi UPM sebagai universiti tersohor dalam dan luar negara.

(Foto hiasan)

BH Khamis, 24 Mac 2022

Nasional

3

# Deskripsi tugas penjawat awam disemak semula

M&amp;3

Pekeling perkhidmatan mungkin perlu diubah kerana tak lagi relevan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Deskripsi tugas penjawat awam akan disemak semula bagi memastikan ia relevan dengan situasi semasa, dapat meningkatkan integriti dan mengurangkan punca rasuah dalam pentadbiran awam.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, berkata perkara lain perlu dilihat adalah pekeliling perkhidmatan yang mungkin perlu diubah kerana tidak lagi relevan.

"Saya setuju untuk disemak semula deskripsi tugas (penjawat awam)," katanya pada sidang media selepas mewakili Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali merasmikan Seminar Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Peringkat Nasional (GIACC), Datuk Seri Mohd Sallehuddin Hassan.

Mengenai langkah bagi menangani isu integriti dalam perkhidmatan awam, beliau berkata, memang setiap individu yang



Mohd Shafiq bersama Mohd Sallehuddin serta peserta ketika Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Peringkat Kebangsaan Kali Pertama di Putrajaya, semalam.

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

mahu diambil berkhidmat perlu memenuhi pelbagai kriteria ditetapkan, termasuk perwatakan, selain kelayakan fizikal dan akademik.

Katanya, perkhidmatan awam juga sentiasa menanam nilai baik dalam kalangan penjawatnya melalui kursus serta latihan semula, malah mereka sentiasa diingatkan supaya patuh dengan peraturan.

Mohd Shafiq berkata, teknologi juga boleh digunakan sebagai antara cara untuk mengurangkan perbuatan rasuah dalam kalangan penguasa jabatan dan agensi, antaranya penggunaan kamera badan serta kamera perangkap had laju.

"Di negara lain, tak ada melalui penguatkuasaan secara fizikal, ia melalui teknologi. Contohnya kita lihat di sepanjang lebuh raya dan sebagainya, tidak

ada polis tunggu tepi jalan dan tangkap (pesalah memandu melebihi had laju), tapi kamera (perangkap had laju) sendiri boleh menguatkuasakannya.

"Bagi penggunaan kamera badan, kita perlu lihat kos dan pinjaman kepada peraturan sedia ada yang (boleh) diguna pakai di mahkamah. Semua ini kita kena kaji, pendekatan-pendekatan ini kita kena tengok, boleh kaji bagaimana boleh mengurangkan punca rasuah itu," katanya.

Beliau berkata, isu rasuah perlu dibincang dan ditangani dengan lebih meluas kerana ia bukan saja berlaku dalam kalangan 1.6 juta penjawat awam negara, malah dalam masyarakat secara umum.

"Persoalan yang perlu dilihat adalah bagaimana untuk mewujudkan nilai integriti dalam kalangan masyarakat kerana ra-

suah tidak berlaku dalam keadaan yang terasing," katanya.

Mengenai penjawat awam terbabit kes rasuah dan salah guna kuasa, Mohd Shafiq berkata, daripada 525 penjawat awam yang didakwa atas kesalahan rasuah tahun lalu, 300 sudah disabitkan kesalahan.

"Sejak 2017, seramai 1,960 penjawat awam dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah dengan 1,062 disabitkan kesalahan," katanya.

Sementara itu, Mohd Zuki dalam teks ucapannya yang dibacakan Mohd Shafiq, berkata Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 kini memasuki fasa akhir pelaksanaannya dan setakat ini 37 daripada 82 inisiatif yang digariskan dalam Laporan Semakan Separuh Penggal NACP telah diselesaikan di peringkat output oleh agensi peneraju.

'Tak perlu pertikai isu pemilikan saham Azam'

**Kuala Lumpur:** Isu pemilikan saham membabitkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Bakri, tidak perlu dipertikaikan lagi selepas beberapa badan dan jawatankuasa sudah menjalankan siasatan masing-masing terhadap kontroversi itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata antara pihak menjalankan siasatan terhadap Azam termasuk Suruhanjaya Sekuriti (SC), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Mencegah Rasuah Parlimen (JK-MR) dan Jawatankuasa Aduan (JKA).

Sehubungan itu, katanya, isu terbabit tidak perlu lagi diperkaikan, selain sebarang kenyataan mengenainya boleh menimbulkan subjidis kerana kes berkaitan sudah pada peringkat mahkamah.

"Isu saham yang dipertikaikan banyak pihak daripada parti pembangkang sebenarnya sudah selesai. Isu ini juga sudah diputuskan dan tiada kes oleh inkuiri pihak SC."

"Menerusi satu kenyataan pada 18 Januari lalu, SC menjelaskan sudah menyelesaikan siasatan berdasarkan bukti dikumpul dan tidak dapat memastikan secara muktamad jika terdapat pelanggaran mengikut Seksyen 25(4) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (SICDA) sudah berlaku," katanya dalam kenyataan bertulis di Dewan Rakyat, kelmarin.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GRADUAN TVET DILAHIRKAN POLITEKNIK PORT DICKSON

SUMBER : MALAYSIA AKTIF (ONLINE) MUKA SURAT :

TARIKH : 24/03/2022



Malaysia Aktif

24 March at 16:05 ·

...

Graduan TVET Dilahirkan Politeknik Port Dickson

PORT DICKSON, 24 Mac (Malaysiaaktif) - Bertemakan "Graduan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Pemacu Revolusi Industri", Majlis Konvokesyen kali ke-29 Politeknik Port Dickson (PPD) berjaya melahirkan seramai 4,223 graduan daripada lima sesi pengajian baru-baru ini.

Seramai 785 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Awam, 1,021 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 1,170 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan 1,247 graduan dari Jabatan Perdagangan diraikan dalam majlis tersebut.

Pengarah PPD, Mohamad Isa Azahari berkata PPD berusaha memperhebatkan sistem pendidikan TVET yang dipacu industri, kolaborasi strategik yang **mantap** serta perkongsian ilmu bersama industri.

Ujarnya lagi, pemberkasaan TVET penting untuk mengisi keperluan negara dan menjadikan Malaysia bersaing dengan negara serantau dalam aspek pembuatan serta teknologi.

<https://malaysiaaktif.my/109641>



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: UNTUNG DAPAT HADIAH RM1000 KERANA RAJIN

SUMBER : HARIAN METRO (ONLINE) MUKA SURAT :

TARIKH : 25/03/2022

4/4/22, 8:21 AM  (20+) Facebook 20+

am@hmetro.com.my  Like  Comment  Share 

Mohd Khidir Zakaria  Untung dapat hadiah RM1,000 kerana rajin 4 shares

 Write a comment

JUSTIN (kanan, berdiri) dan Nur Amira (berdiri, kiri) bersama keluarga masing-masing selepas menerima scroll dan anugerah di Majlis Konvensyen Kali Ke-29 Politeknik Port Dickson. FOTO Mohd Khidir Zakaria

Port Dickson: Hadiah menarik apabila dua penuntut yang menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum serta Anugerah Pengarah turut menerima sumbangan RM1,000 setiap seorang diberikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam bentuk simpanan SSPN.

Mereka adalah antara 4,223 graduan Politeknik Port Dickson yang menerima diploma pada Majlis Konvensyen Kali Ke-29 diadakan di Dewan Ehsan Water Park di sini, tadi.

Salah seorang penuntut bertuah terbabit, Justin Lim Kai Sheng, 26, yang menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik Dan Kokurikulum berkata, dia memberikan tumpuan sepenuhnya sepanjang mengikuti pengajian jurusan Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau).

"Bagi saya setiap apa yang kita lakukan, kita perlu buat bersungguh-sungguh kerana itu tanggungjawab kita sebagai pelajar. Dalam masa sama, saya juga menghargai pengorbanan kedua ibu bapa serta pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang saya belajar di sini."

"Saya juga adalah ahli Kelab Sahabat Perpustakaan dan pernah dinobatkan sebagai peminjam buku tegar dan pernah menyandang jawatan sebagai Exco Akademik Kelab Kejuruteraan Elektrik pada sesi Jun 2018," katanya.

Tambahnya, dia bangga hari ini apabila ibunya, Bok Thai Jee dan ayahnya, Lim Choo Kang turut hadir meraikan hari bersejarah ini.

Justin berkata, buat masa sekarang dia bekerja di AFA Technologies Sdn Bhd di Melaka sebagai Jurutera Automation Software dan baru sahaja melanjutkan pelajaran dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) secara separuh masa.

Seorang lagi penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik Dan Anugerah Pengarah, Nur Amira Natasha Zairol, 23, turut bangga dengan pencapaian cemerlang dalam Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kecekapan Tenaga).

Menurutnya, rahsia kejayaan ialah sentiasa berusaha buat yang terbaik dalam apa juga bidang termasuk aktif dalam kokurikulum.

"Apa sahaja tugas yang diberikan pensyarah, saya buat dan lakukan yang terbaik kerana keikhlasan itu memudahkan kita melakukannya tanpa rasa ragu-ragu."

"Mungkin kerana pegangan itu, Allah SWT mudahkan saya untuklakukan setiap tugas yang saya anggap sebagai tanggungjawab selagi kita bergelar pelajar," katanya yang kini sudah menyambung pengajian di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam jurusan Kejuruteraan Elektronik.

TAJUK: SEDIA KEMUDAHAN KHAS, SOKONGAN BANTU GOLONGAN OKU DI IPT

SUMBER : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

TARIKH : 25/03/2022

BH Jumaat, 25 Mac 2022

MindaPembaca

13

# Sedia kemudahan khas, sokongan bantu golongan OKU di IPT

Zuraidah Ismail  
dan Marhani  
Mohamed  
Anuar,

Pensyarah  
Kanan, UiTM  
Puncak Alam

Isu golongan orang kelainan upaya (OKU) selalu menarik perhatian ramai apatah lagi mereka sering dianggap sebagai kelompok yang diabaikan.

Hal ini bukan hanya terjadi dalam kalangan masyarakat umum sahaja, tetapi di institusi pengajian tinggi (IPT) juga keadaan sama berlaku.

Situasi ini seharusnya diubah dengan memperbaikkan infrastruktur yang bersesuaian dengan golongan OKU bagi memudahkan mobiliti serta aktiviti kumpulan berkenaan.

Mengikut definisi Jabatan Kebajikan Masyarakat, OKU adalah seseorang dengan ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan pelbagai halangan mungkin tidak dapat membabitkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat.

Justeru, definisi OKU juga tidak boleh dihadkan kepada mereka yang berkerusi roda sahaja atau bertongkat. Sebaliknya individu dengan masalah kesihatan mental seperti tekanan perasaan yang mendalam dan kemurungan juga boleh dianggap sebagai OKU.

Bagi golongan OKU yang cacat secara fizikal seperti kehilangan penglihatan, pendengaran atau kehilangan anggota badan, kemudahan yang

bersesuaian perlu disediakan untuk memudahkan pergerakan mereka seperti orang lain. Contohnya, petak meletak kenderaan perlulah disediakan mengikut spesifikasi yang sepatutnya. Ia juga mestilah ditandai dengan warna dan saiz seragam.

Begitu juga dengan tandas awam yang seharusnya dilengkapi dengan kemudahan untuk golongan OKU seperti bilik tandas agak luas, penyediaan pemegang besi untuk berpaut, loceng kecemasan dalam tandas dan sinki serta kedudukan paip air pada paras bersesuaian bagi golongan ini.

Secara umumnya, terdapat seramai 587,608 daripada anggaran 4.8 juta golongan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Angka ini boleh bertambah berdasarkan faktor pemakanan yang menyumbang kepada peningkatan risiko kesihatan seperti masalah jantung, angin ahmar, kencing manis dan darah tinggi.

Sekiranya penyakit ini gagal dikawal dan mencapai tahap serius, ia boleh mengakibatkan seseorang itu berisiko untuk termasuk dalam golongan OKU. Contohnya, seseorang pesakit yang menghidap darah tinggi amat berisiko untuk diserang angin ahmar seterusnya mengakibatkan kelumpuhan anggota badan.

Selari dengan persekitaran semasa, amat penting untuk kerajaan menyediakan infrastruktur yang

bersesuaian dengan golongan OKU.

Dalam konteks IPT, lebih banyak kemudahan perlu disediakan kepada mereka. Hak mendapat pendidikan adalah sama rata justeru, buanglah anggapan klise terhadap mereka sebaliknya lebih bersikap prihatin selain sedar golongan itu juga mempunyai peranan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Justeru, IPT boleh memikirkan untuk menyediakan laluan khusus berkerusi roda untuk setiap bangunan akademik atau blok asrama. Penyediaan lif khas bagi golongan OKU amat digalakkan sekiranya ia sangat perlu bagi ses sebuah bangunan.

Begitu juga dengan golongan OKU penglihatan, mereka perlu disediakan dengan laluan khas bagi memudahkan mobiliti dalam kampus. Bagi golongan kelainan upaya dari kategori kesihatan mental pula, sokongan padu yang diberikan oleh pihak pengurusan IPT adalah sangat penting. Mereka yang tergolong dalam kumpulan ini lebih memerlukan empati berbanding simpati. Mereka berhak dilayan sama rata seperti orang lain dan bukan dikategorikan sebagai individu yang tidak berdaya.

Sekiranya platform yang tepat dapat diwujudkan, segala kesulitan golongan OKU ini dapat diatasi dan ia juga mampu mewujudkan suasana yang lebih harmoni dan pasti prestasi ses sebuah IPT dapat dinaik taraf.

## TAJUK: 6 PANDUAN PILIH PROGRAM PENGAJIAN DI UNIVERSITI

SUMBER : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 22

TARIKH : 28/03/2022

22

**Sinar  
Bestari**

Oleh NOR AZMA MUHAMAT LAILA

**TIP**

ISNIN 28 MAC 2022 • SINAR HARIAN

**B**agi pelajar Tingkatan Lima, membuat keputusan untuk memilih institusi pengajian tinggi (IPT) dan program pengajian yang bersesuaian dengan minat serta kelulusan peperiksaan masing-masing mungkin agak sukar.

Dalam hal ini, banyak faktor yang perlu dititikberatkan termasuklah kos pengajian, minat, lokasi universiti, prospek kerjaya dan sebagainya.

Memandangkan program pengajian yang bakal dipilih akan menentukan hala tuju kerjaya dan kehidupan pelajar di masa depan, seharusnya keputusan berkenaan dibuat berdasarkan panduan yang teliti.

Sehubungan itu, minggu ini *Sinar Bestari* mendapatkan pandangan daripada Penolong Pendaftar, Bahagian Pengambilan Pelajar, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Zaidatul Akmal.

Zaidatul Akmal, 31, mengenai tip memilih program pengajian yang betul.

Menurut Zaidatul Akmal, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sudah banyak membuat hebatan mengenai permohonan kemasukan ke universiti menggunakan UPUOnline termasuklah dengan mengadakan Karnival Jom Masuk IPT.

"Banyak maklumat berkaitan program pengajian yang ditawarkan universiti awam (UA) boleh didapati menerusi karnival ini yang sudah diadakan di empat lokasi iaitu Pulau Pinang, Perak, Sarawak dan Negeri Sembilan."

"Bagi pelajar yang tidak berkesempatan berkunjung ke karnival berkenaan, saya sarankan mereka dapatkan bimbingan daripada guru kaunseling di sekolah, ibu bapa atau ahli keluarga supaya dapat membuat keputusan yang tepat," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Dikongsikan enam tip memilih program pengajian dengan betul di bawah ini dan semoga perkongsian kali ini membantu pelajar dalam membuat keputusan yang terbaik.

### 1 Pastikan pelajar melepas syarat am dan syarat khas program pengajian.

Syarat am ialah calon perlu mendapat tiga kredit termasuklah Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah. Syarat khas program pula berbeza bergantung kepada ketetapan universiti.



### 2 Pilih program berdasarkan minat

Kebanyakan pelajar masih berdepan situasi di mana mereka memilih program pengajian kerana mengikut kehendak ibu bapa atau sekadar mengikut kawan-kawan.

Pastikan calon memilih program pengajian berdasarkan minat diri sendiri, bukan orang lain kerana mereka yang perlu meneruskan tempoh pengajian selama tiga atau empat tahun di universiti.

### 3 Meletakkan pilihan program mengikut keutamaan

Permohonan di dalam UPUOnline menyediakan 12 pilihan untuk pelajar. Pastikan calon meletakkan program pengajian yang paling diminati sebagai pilihan utama dan jangan mengisi kesemua pilihan atas dasar sekadar memenuhi ruang.

Sekiranya memilih program yang

mempunyai temu duga, letakkan dalam pilihan satu hingga empat kerana selain daripada pilihan itu, calon tidak akan dipanggil untuk temu duga.

### 4 Rujuk kaunselor, ibu bapa atau ahli keluarga yang berpengalaman membuat permohonan ke universiti

Guru Bimbingan dan Kaunseling adalah individu yang tepat untuk dirujuk berkaitan hal pemilihan program pengajian di universiti dan hala tuju kerjaya bagi setiap jurusan yang dipilih. Selain itu, pelajar juga boleh mendapatkan pandangan daripada ibu bapa dan ahli keluarga serta berkongsi minat masing-masing supaya pilihan dibuat atas dasar minat diri sendiri, bukan orang lain.



### 5 Sentiasa cari maklumat berkaitan pelbagai jurusan pengajian dan universiti

Kemudahan teknologi yang ada pada hari ini memudahkan pelajar untuk mencari pelbagai maklumat mengenai program pengajian yang ditawarkan UA malah sesetengah universiti turut mengajurkan pelbagai program atau karnival berkaitan kemasukan ke universiti bagi membantu pelajar mendapatkan info yang berkaitan. Kewujudan media sosial juga boleh digunakan sebagai satu saluran untuk pelajar mendapatkan maklumat.

### 6 Elakkan melakukan kesilapan ketika membuat permohonan di UPUOnline

Calon dengan kedudukan merit yang rendah tidak digalakkan memilih program yang popular sebagai contoh Diploma Sains Komputer kerana mereka berkemungkinan memiliki peluang rendah untuk ditawarkan ke program pilihan atas faktor saingan sengit daripada calon-calon bermerit lebih tinggi. Calon juga tidak cakna dengan prosedur permohonan dan tip pemilihan program yang bersesuaian.

# 6 PANDUAN PILIH PROGRAM PENGAJIAN DI UNIVERSITI



REDAKSI

**Sinar  
Bestari**

TAJUK: KPT ANJUR PROGRAM JOM MASUK IPT

SUMBER : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 28

TARIKH : 28/03/2022

**ISNIN 28 MAC 2022 • SINAR HARIAN**

# BULETIN

## KPT anjur program Jom Masuk IPT

MUL 28

**B**agi mempromosi dan menyebarluaskan maklumat program pengajian sedia ada serta baharu yang ditawarkan universiti awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi Bahagian Kemasukan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (BKPA) menganjurkan program Jom Masuk IPT.

BKPA menerusi kenyataan media yang dikeluarkan berkata, pengajuran Jom Masuk IPT 2022 (JMIPT 2022) begitu sinonim di hati masyarakat terutama calon yang ingin membuat permohonan menerusi UPUOnline kerana program ini dapat memotivasi dan menyebarluaskan maklumat tepat serta terkini kepada para pemohon mengenai peluang pendidikan tinggi yang ada di dalam negara.

"Usaha ini diyakini dapat membantu pemohon membuat pilihan program yang tepat dan sesuai dengan pencapaian akademik dan kurikulum masing-masing."

"Selain mempromosi dan berkongsi maklumat, program ini juga bertujuan mendidik serta memupuk kesedaran dalam kalangan pemohon UPUOnline dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA melalui Aplikasi Dalam Talian (ADT)," katanya.

JMIPT 2022 merupakan 'Signature Programme' KPT yang terbahagi kepada dua fasa iaitu Fasa Satu memfokuskan kepada permohonan melalui sistem UPUOnline serta Fasa Dua lebih terarah kepada pengemaskinian bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Fasa Satu JMIPT 2022 telah dilaksanakan sepanjang bulan Februari lalu membabitkan empat lokasi terpilih dan dianjurkan bersama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Cawangan Pulau Pinang untuk Zon 1, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak - Zon 2, UiTM Cawangan Sarawak - Zon 3 dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan - Zon 4.


Fasa Dua pula dijangka akan dilaksanakan pada Jun ini selaras dengan fasa pengemaskinian untuk memberi peluang kepada pemohon mengemas kini pilihan program yang bersesuaian berdasarkan keputusan sebenar peperiksaan.

Program Jom Masuk IPT disertai oleh 20 UA, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Bahagian Education Malaysia (BEM), Pengurusan Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS) terdiri dari Bahagian Governan Swasta (BGS), Bahagian Standard Swasta (BSS) dan Bahagian Penguatkuasaan Inspektorat (BPI) serta Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) terpilih.

Dalam pada itu, permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA menerusi sistem UPUOnline sudah dibuka pada 4 Februari lalu sehingga 31 Mac ini, jam 5 petang melalui laman web <https://upu.mohe.gov.my/>.

Terdapat dasar dan kriteria yang perlu diambil perhatian oleh pelajar-pelajar semasa membuat permohonan di UPUOnline, iaitu pencapaian akademik dalam peperiksaan, aktiviti kurikulum dan kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian dipohon.

Selain itu, pemohon juga perlu mengambil kira gred mata pelajaran untuk tujuan pengiraan markah akademik; memenuhi syarat khas seperti yang ditetapkan oleh UA, Politeknik, KK dan ILKA dan lulus temu duga dan/atau ujian. SB



Kakitangan universiti berkongsi maklumat bersama pelajar-pelajar yang berkunjung ke program Jom Masuk IPT.

TAJUK: IPT KENA LENGKAPI GRADUAN PAKEJ HADAPI ALAM PEKERJAAN

SUMBER : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

TARIKH : 28/03/2022

# IPT kena lengkapi graduan ‘pakej’ hadapi alam pekerjaan

Oleh Dr Mohd Hisham Sharif  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan  
Sekolah Perakaunan  
Tunku Intan Safinaz  
Universiti Utara  
Malaysia (UUM)

Bermula minggu ini, ramai pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) kembali ke kampus untuk meneruskan pengajian.

Ada IPT melaksanakan pengajian bersama, mod hibrid dan juga masih memilih untuk kekal dengan pengajian dalam talian sehingga pertengahan semester.

Walau apa pun mod pengajian dipilih, menjadi tanggungjawab kepada mahasiswa untuk kekal semangat menimba ilmu sehingga tamat pengajian.

Kebolehpasaran graduan untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan adalah satu elemen penting dalam sektor pendidikan tinggi negara.

Ia diakui menjadi topik penting dan menjadi perdebatan di Parlimen dalam kalangan Ahli Parlimen yang ingin mengetahui kemampuan IPT melahirkan graduan mampu memenuhi kehendak pasaran pekerjaan.

Justeru, ia menjadi cabaran kepada IPT untuk mengemas kini silibus subjek ditawarkan bagi memastikan penuntutnya dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan apabila menamatkan pengajian.

Ia juga bagi memastikan graduan dihasilkan nanti relevan dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.

Dalam hal ini, subjek tidak relevan akan dikaji dan digugurkan jika didapati tidak lagi relevan dalam industri serta tidak membantu pelajar dalam alam pekerjaan.

Bermakna, tidak dapat menafikan kebolehpasa-

ran graduan dalam industri sebagai adalah satu elemen penting dalam pengajian tinggi hari ini.

Namun, IPT, pemegang taruh dan orang awam tidak sepatahnya menjadikan penguasaan teknikal ditekankan industri adalah perkara utama wajib diutamakan dalam pembinaan pelajar.

Sebaliknya, pembangunan pelajar untuk menjadi graduan mampu memenuhi pasaran pekerjaan secara holistik perlu diberi keutamaan.

Pembangunan pelajar secara holistik ini meliputi elemen adab dan sahsiah. Keseimbangan antara



Sumbangan kepada komuniti dalam aktiviti luar kelas tingkat kemahiran insaniah pelajar.  
(Foto hiasan)

kecerdasan dalam penguasaan perkara teknikal, ketinggian akhlak pelajar serta kemahiran insaniah melahirkan pelajar lebih kompeten dalam alam pekerjaan dan lebih berdaya tahan dalam berdepan cabaran.

Kemahiran insaniah ini bukan hanya diperoleh di dalam kuliah yang mempunyai jam kredit untuk pengiraan mata kumulatif, tetapi menerusi sumbangans pelajar kepada komuniti dalam aktiviti luar kelas.

Pelajar yang lebih banyak terbabit dalam aktiviti komuniti, menguruskan projek, aktif dalam kelab dan persatuan biasanya mempunyai kelebihan dari segi keyakinan diri, pengurusan konflik dan mempunyai daya tahan lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar yang hanya fokus mendapatkan markah tinggi.

Selain itu, pelajar aktif dalam aktiviti kelab dan persatuan juga akan mempunyai jaringan hubungan lebih baik melalui pergaulannya dengan ramai orang, sekali gus dapat membantunya pada masa hadapan baik dalam alam pekerjaan atau mengembangkan perniagaan.

Jika menyedari hakikat ini, IPT tidak sepatahnya hanya menjadi ‘kilang’ untuk melahirkan pekerja berkemahiran, tetapi perlu menjadi tempat untuk membentuk pelajar miliki keperibadian tinggi dan kemahiran insaniah cemerlang.

Kombinasi ilmu, kecemerlangan akademik, nilai sahsiah diri seimbang dan bermoral tinggi turut menjadi ‘pakej’ kepada graduan untuk bersedia ke alam pekerjaan. Ia mampu membantu graduan memenuhi pasaran pekerjaan dikehendaki ‘majikan’, selain mampu untuk bertahan bagi menghadapi realiti sebenar kehidupan.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: ARPRM IKTIRAF REMAJA AKTIF

SUMBER : MALAYSIA AKTIF (ONLINE) MUKA SURAT :

TARIKH : 31/03/2022

4/4/22, 8:21 AM

(20+) Facebook



20+

Malaysia Aktif

31 March at 14:35 ·

...

ARPRM Iktiraf Remaja Aktif

PORT DICKSON, 31 Mac (MalaysiaAktif) - 71 peserta Tahap Gangsa dan lima peserta Tahap Perak telah menerima pentaulahan Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) Politeknik Port Dickson (PPD), di sini semalam.

Pegawai Belia dan Sukan Daerah Port Dickson, Noorulhuda Haji Abdul Rahman berkata, program ARPRM merupakan program pengiktirafan di atas penglibatan remaja secara aktif dalam bidang yang menyumbang ke arah proses kematangan mereka.

"Pejabat Belia dan Sukan negeri dan daerah amat komited memastikan keaktifan dan penyertaan belia dalam sebarang aktiviti yang dilaksanakan. Secara tidak langsung dapat menarik minat lebih ramai lagi pelajar terlibat secara serius serta berterusan dengan aktiviti yang bermanfaat," ujarnya.

ARPRM terbuka kepada semua remaja yang berumur di antara 14 hingga 25 tahun tanpa mengira perbezaan jantina, agama, budaya, kemampuan fizikal dan mental.

<https://malaysiaaktif.my/110012>



<https://www.facebook.com/malaysiaaktif.official/posts/353907503417293>

1/2